



PERUTUSAN
YBHG. DATO' IR. TS. HAJI MASRI BIN BAHARUDDIN
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.5/2026
PADA 20 MEI 2026 (RABU) JAM 9.30 PAGI

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera. Salam
Malaysia Madani

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Tn. Ir. Ts. Br. Mohd Kamal bin Mohd Yusof Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban, Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pengamal media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran :
 - I. YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Haji Harun, ADUN Sikamat ;
 - II. YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hassan, ADUN Rantau ;
 - III. YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan, ADUN Nilai ;
 - IV. YB Puan Nicole Tan Lee Koon, ADUN Bukit Kepayang;

- V. YB Hajah Tengku Zamrah bt Tengku Sulaiman, ADUN Ampangan ;
 - VI. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya ;
 - VII. YB Tuan Chew Seh Yong, ADUN Lobak ;
 - VIII. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang ;
 - IX. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau ;
 - X. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang ;
 - XI. YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng ;
3. Syukur Alhamdulillah segala puji dan syukur kepada Ilahi kerana dengan izin dan limpah-Nya dapat juga Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Bandaraya Seremban Bil.5/2026 dapat diadakan dan dihadiri oleh Ahli Mesyuarat bersama-sama dengan pemerhati.
4. Untuk makluman Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian, mesyuarat yang diadakan hari ini disiarkan secara langsung menerusi laman sosial *Facebook* rasmi Majlis Bandaraya Seremban.

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

5. Baru-baru ini saya telah menghadiri Mesyuarat Pembangunan Daerah Seremban, Negeri Sembilan yang dipengerusikan oleh YAB Dato Seri' Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia pada 15 Mei yang lalu di Kompleks Pentadbiran Daerah Seremban. Mesyuarat diadakan ini bagi meneliti status pelaksanaan program serta projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13).

6. Di dalam mesyuarat ini beberapa perkara telah dibincangkan dan Perdana Menteri telah memberi fokus kepada aspek yang dekat dengan keperluan rakyat termasuk pendidikan, tebatan banjir, infrastruktur, kesihatan serta pengukuhan sosio-ekonomi. Beliau telah menegaskan bahawa setiap projek dan program yang dirangka mesti benar-benar memberi manfaat serta dirasai rakyat di lapangan. Oleh itu, MBS perlu terus menyelaras seluruh ikhtiar merentas kementerian dan agensi agar pelaksanaan lebih cekap serta penyampaian bantuan dan pembangunan dapat dipercepat.
7. Dalam pada itu, pihak Majlis digesa memperkukuhkan pemantauan projek, supaya tiada kelewatan, ketirisan atau masalah pelaksanaan yang akhirnya menjejaskan rakyat. Setiap projek mesti dipantau dengan teliti dan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab serta amanah. Keutamaan kita adalah memastikan setiap perancangan diterjemah kepada tindakan yang berkesan demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara.
8. Sehubungan itu, saya mengarahkan jabatan-jabatan yang terlibat di dalam pelaksanaan projek seperti Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Taman dan Landskap, Jabatan Kawalan Bangunan dan beberapa jabatan lain untuk merujuk kepada Garis Panduan Pemantauan & Kawalan Kemajuan Pembinaan Projek 2015 yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya di dalam melaksanakan projek. Di dalam Garis Panduan ini menggariskan beberapa elemen utama dalam pemantauan projek iaitu :

9. **Penyediaan Jadual Kerja Sistemik:** Menggunakan Critical Path Method (CPM) dan Program Evaluation and Review Technique (PERT) untuk merancang, mengawal, dan memantau tempoh kritikal sesuatu projek.
10. **Mesyuarat Tapak Berkala:** Mesyuarat tapak diadakan secara mingguan atau bulanan antara Pengarah Projek, jurutera, dan kontraktor bagi membincangkan kemajuan sebenar berbanding jadual asal serta menyelesaikan masalah berbangkit di tapak pembinaan.
11. **Laporan Kemajuan Tapak:** Pemantauan dilakukan melalui semakan [Laporan Kemajuan Harian/Mingguan/Bulanan] yang menjejak peratusan kerja siap fizikal dan kewangan.
12. **Kawalan Kualiti (Verifikasi Tapak):** Lawatan berkala dan pemeriksaan audit dijalankan oleh pasukan JKR untuk memastikan pematuhan terhadap lukisan spesifikasi teknikal, piawaian keselamatan, dan kehendak pihak pelanggan.
13. **Penggunaan Sistem Digital:** Pemantauan prestasi diselaraskan melalui pangkalan data pemantauan projek dalam talian seperti Sistem Pengurusan Projek untuk mengesan kelewatan dan mengelakkan pembaziran kos.
14. Melalui pematuhan garis panduan ini secara langsung akan memperkukuhkan lagi pelaksanaan projek di Majlis Bandaraya Seremban yang selari dengan Enam Nilai teras Kerajaan MADANI

iaitu (Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan, dan Ihsan) dalam penyampaian perkhidmatan awam yang lebih telus, adil, dan berintegriti.

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

15. Dalam mendepani ekspektasi rakyat pula, YAB Perdana Menteri menegaskan untuk pimpinan politik, ketua – ketua jabatan dan mana-mana agensi untuk kerap melakukan turun padang dan tidak menunggu rakyat untuk datang ke pejabat sahaja terutamanya berkaitan fasiliti peniaga, kemudahan awam dan perumahan setempat. Melalui pendekatan ini pihak kerajaan akan lebih cakna dengan isu – isu yang dihadapi oleh rakyat dan sekali gus dapat merangka dasar dan pendekatan yang lebih holistik dan berkesan. Pendekatan turun padang juga merupakan salah satu iltizam saya sejak saya menjawat jawatan Datuk Bandar dan ia secara langsung dan tidak langsung dapat membantu permasalahan rakyat terutamanya dikalangan golongan rentan.
16. Sehubungan itu, saya mencadangkan KPI turun padang Ahli Majlis , Ketua Jabatan dan Ketua Unit sekurang-kurangnya 2 kali setiap bulan. Pelaporan turun padang ini perlu diserahkan kepada Unit Pehubungan Korporat dan dibentangkan di dalam mesyuarat yang berkaitan. Namun, perkara ini boleh dibincangkan lagi.

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

17. Pada 13 Mei yang lalui, YAB Menteri Besar Negeri Sembilan telah mengumumkan pemberian pengurangan kadar sewa sebanyak 20 peratus kepada semua penyewa premis gerai pihak berkuasa tempatan (PBT) di Negeri Sembilan dari Jun hingga Disember tahun ini. Pengurangan kadar sewa gerai ini melibatkan Majlis Bandaraya Seremban (MBS), Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD), Majlis Daerah Jempol, Majlis Daerah Tampin, Majlis Daerah Kuala Pilah, Majlis Daerah Rembau dan Majlis Daerah Jelevu.
18. Langkah ini dijangka dapat membantu meringankan beban peniaga kecil dan sederhana yang menyewa premis milik PBT akibat daripada krisis peperangan global yang sedang berlaku serta merancakkan lagi aktiviti ekonomi tempatan di Negeri Sembilan
19. Sehubungan itu, MBS mengambil baik inisiatif ini dan saya mengarahkan Jabatan Perlesenan dan Pembangunan Usahawan dan Jabatan Kewangan untuk melaksanakan segera perkara ini.

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

20. Sehingga **17 Mei 2026**, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut:-

- (a) Cukai Taksiran
Sasaran 85% Bil Semasa 2026 (RM73.29Juta) Prestasi =
RM68.6 Juta (79.56%)

- (b) Sasaran 30% Kutipan Tunggakan (RM28.97Juta)
Prestasi = RM9.35Juta (9.68%)

- (c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM167Juta)
Prestasi = RM87.84Juta (52.6%)

- (d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM257.5Juta)
Prestasi = RM123.01Juta (47.77%)

- (e) Belanja Mengurus (RM256.80Juta)
Prestasi = RM84.10Juta (32.75%)

- (f) Belanja Pembangunan (RM13.70Juta)
Prestasi = RM5.61Juta (40.91%)

Perbandingan bagi tahun 2025 pula, sehingga **18 Mei 2025**

Seperti dipaparan :-

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2025 (RM70.43Juta) Prestasi =
RM65.71Juta (79.29%)

(b) Sasaran 30% Kutipan Tunggakan (RM28Juta) Prestasi
= RM10.53Juta (11.29%)

(c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM161Juta)
Prestasi = RM86.99Juta (54.03%)

(d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM246.5Juta)
Prestasi = RM127.19Juta (51.60%)

(e) Belanja Mengurus (RM247.3Juta)
Prestasi = RM76.22Juta (30.82%)

(f) Belanja Pembangunan (RM11.6Juta)
Prestasi = RM2.12Juta (18.29%)

KUTIPAN OPERASI DARI PINTU KE PINTU

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

21. Majlis Bandaraya Seremban sentiasa berusaha meningkatkan dari semasa ke semasa bagi mutu perkhidmatan kepada warga bandar raya Seremban terutamanya dalam urusan pembayaran Cukai Taksiran. Majlis menggalakkan warga bandar raya Seremban menggunakan aplikasi atas talian ataupun *Online* dalam setiap transaksi bagi memudahkan pembayaran tanpa perlu hadir ke kaunter Majlis Bandaraya Seremban. Walaupun begitu, Majlis Bandaraya Seremban tetap memahami kekangan warga bandar raya Seremban terutamanya bagi golongan berusia dan mempunyai masalah talian internet di luar capaian.
22. Sehubungan dengan itu, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan kutipan operasi dari pintu ke pintu. Sepanjang bulan Februari 2026, Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Kewangan telah mengadakan operasi kutipan di Taman Panchor Jaya, Taman Tiara Sendayan, Taman Rimbun Vista, Taman Bukit Blossom dan Taman Bukit Chedang. Sebanyak 5,762 bilangan akaun telah disasarkan dengan jumlah tunggakan RM3,053,311.83 namun hanya 72 bilangan akaun kutipan dengan jumlah sebanyak RM43,590.20 berjaya dikutip.

23. Selain daripada itu, Majlis juga telah mengadakan lawatan ke premis di dalam kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban sepanjang bulan Februari 2026. Sebanyak 20 bilangan akaun disasarkan dengan jumlah tunggakan sebanyak RM168,689.70 namun hanya 5 bilangan akaun kutipan dengan jumlah kutipan RM23,460.00 berjaya dikutip.

Sumber : Jabatan Kewangan

LAPORAN UNIT AUDIT DALAM (UAD)

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

24. Unit Audit Dalam memainkan peranan yang amat signifikan melalui fungsi semakan, penilaian kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang sistematik, bagi memastikan setiap sumber awam diurus secara berhemat, telus dan berakauntabiliti. Sehubungan dengan itu, berikut merupakan aktiviti penampilan Audit Dalam yang telah dijalankan bagi tempoh April hingga Mei 2026 :-

- Pertama : Pemeriksaan Audit Berkaitan Isu Kesilapan Transaksi Billing dan Kutipan Pada Sistem SPBT, e-Sewaan dan e-Hasil. Hasil pemeriksaan dan status penyelesaian pembetulan dalam jurnal, bil dan kutipan telah berjaya diselesaikan melalui sesi konsultasi bersama Ketua Audit

Dalam bersama-sama Jabatan Kewangan dan Jabatan Teknologi Maklumat pada 13 April 2026.

- Kedua : pelaksanaan Audit Dalam berkaitan Akta Wang Tidak Dituntut 1965 – Pemeriksaan Deposit Kebersihan / Hiburan yang dijalankan kepada Jabatan Pelesenan & Pembangunan Usahawan (JPPU) merangkumi 296 akaun deposit Kebersihan / hiburan yang berjumlah RM1,154,996.75. Hasil semakan Audit Dalam telah berjaya mengenalpasti sebanyak 117 akaun deposit yang bernilai RM498,540.05 untuk dihantar kepada Jabatan Akauntan Negara selaras dengan peruntukan di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965.
- Ketiga : Unit Audit Dalam sedang menjalankan Pengauditan Sistem dan Kemudahan Digital yang Lain di Majlis Bandaraya Seremban bermula dari 13 April 2026 dan dijadualkan tamat pada hujung bulan Mei 2026 merangkumi lebih kurang 59 proses perolehan yang bernilai RM14,594,052.00

Sumber : Unit Audit Dalam

KEJOHANAN BOLA BALING REMAJA (BAWAH 16 TAHUN) PIALA DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN 2026

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

25. Majlis Bandaraya Seremban telah menganjurkan Kejohanan Bola Baling Remaja (Bawah 16 Tahun) Piala Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban 2026 yang berlangsung pada 9 hingga 10 Mei 2026 (Sabtu dan Ahad) bermula jam 8.30 pagi hingga 6.00 petang bertempat di Kompleks Sukan Negeri, Paroi.
26. Saya bersama-sama dengan Ir. Ts. Br. Mohd Kamal bin Mohd Yusof, Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban telah hadir menyempurnakan majlis tersebut. Turut hadir Ketua Jabatan & Ketua Unit Majlis Bandaraya Seremban. Kejohanan kali ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan apabila sebanyak 18 pasukan dari dalam dan luar Negeri Sembilan telah menyertai pertandingan bagi merebut gelaran juara kejohanan.
27. Bagi kategori hadiah, pasukan Johan telah membawa pulang Piala Pusingan, medal serta wang tunai berjumlah RM2,000.00 yang dimenangi oleh Jerantut Handball. Manakala pasukan Naib Johan telah menerima medal berserta wang tunai sebanyak RM1,500.00 dimenangi oleh Pasir Gudang HC. Sementara itu, pemenang Tempat Ketiga telah menerima medal dan wang tunai berjumlah RM1,000.00 yang dimenangi oleh Lake Garden HC.

Seterusnya Tempat Keempat pula telah membawa pulang medal serta wang tunai sebanyak RM500.00 dimenangi oleh Mansorian A HC.

28. Penganjuran kejohanan ini merupakan salah satu usaha Majlis Bandaraya Seremban dalam melahirkan generasi remaja yang aktif, berdaya saing serta menerapkan nilai semangat kesukanan, disiplin dan setiakawan dalam kalangan pelajar sekolah. Justeru itu, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan di bawah seliaan En. Saiful Azuar bin Haji Ahmad Jadi selaku Pengarah Jabatan kerana telah berjaya menganjurkan program ini. Saya juga turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua sekolah, pegawai, jurulatih serta pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Kejohanan Bola Baling Remaja (Bawah 16 Tahun) Piala Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban 2026. Senarai sekolah-sekolah yang terlibat adalah seperti dipaparan.

Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat & Pelancongan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

29. Bermula 1 Januari 2026 sehingga 30 April 2026, Majlis Bandaraya Seremban telah menjalankan aktiviti kawalan iaitu :-
- i. *fogging* 12,102 premis ;

- ii. ULV 16,166 premis ;
 - iii. *larvaciding* 154 lokaliti ;
 - iv. *source reduction* 154 lokaliti ;
30. Sepanjang bulan April 2026, Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2 telah merekodkan sebanyak 71 kematian jenazah warganegara. Manakala bagi Tanah Perkuburan Islam Ainsdale telah mencatatkan sebanyak 13 pengebumian jenazah warganegara dan 5 jenazah bukan warganegara. Bagi Tanah Kristian Sendayan pula merekodkan sebanyak 8 pengebumian warganegara.
31. Selain daripada itu, pada 28 April 2026, pihak Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan telah melaksanakan Penarafan Bintang Audit Teknikal (PBAT) Kesihatan Persekitaran Tahun 2026 di Majlis Bandaraya Seremban bagi menilai tahap prestasi pengurusan dan penyampaian perkhidmatan kesihatan persekitaran jabatan. Audit ini melibatkan semakan dokumentasi Tahun 2025 dan lawatan tapak ke beberapa lokasi termasuk Pasar Besar Seremban dan Tandas Awam Taman Tasik.
32. Berdasarkan keputusan tidak rasmi audit, pihak jabatan telah memenuhi kriteria yang ditetapkan bagi kategori bandar raya dan berada pada tahap yang memuaskan selaras dengan *standard* penarafan PBAT. Pelaksanaan audit ini turut menjadi *platform* penilaian terhadap aspek tadbir urus, pengurusan kewangan,

pengurusan aset, pematuhan prosedur dan kecekapan penyampaian perkhidmatan jabatan ke arah penambahbaikan berterusan.

Sumber : Jabatan Kesihatan Persekutaran

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN

33. Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Undang- Undang & Penguatkuasaan telah mengambil tindakan penguatkuasaan kompaun pada 1 Januari 2026 sehingga 11 Mei 2026. Laporan pengeluaran kompaun dan amaun adalah seperti dipaparan :-

RINGKASAN PENGELUARAN KOMPAUN MENGIKUT AKTA BERDASARKAN TARIKH 1/1/2026 SEHINGGA 11/5/2026	
BILANGAN KOMPAUN	207,682
AMAUN KOMPAUN TERKINI	RM11,409,000.00

BILANGAN KOMPAUN BERBAYAR	78,844	37.9%
AMAUN KOMPAUN BERBAYAR	RM1,394,949.08	12.2%

Jumlah kertas siasatan (IP) yang telah dibuka pada 1 Januari 2026 sehingga 30 April 2026 adalah sebanyak **2,515** kertas siasatan.

34. Ringkasan pengeluaran kompaun mengikut Akta berdasarkan tarikh 1 Januari 2026 sehingga 30 April 2026 adalah seperti dipaparan :-

Sumber : Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan

LAPORAN JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

i. KURSUS PRA PERSARAAN UNTUK PEGAWAI MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

35. Sebagai usaha menghargai jasa dan pengorbanan warga kerja yang telah lama berkhidmat, Majlis Bandaraya Seremban telah menganjurkan Kursus Pra Persaraan bagi 24 orang pegawai dan kakitangan yang terdiri daripada Gred 1 hingga Gred 7 pada 6 hingga 8 Mei 2026. Program yang berlangsung di Pacific Regency Beach Resort ini bertujuan memberi pendedahan serta persediaan awal kepada para peserta dalam menghadapi fasa persaraan dengan lebih yakin, terancang dan sejahtera.
36. Kursus ini telah mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Unit Psikologi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS).

ii. MAJLIS PERJUMPAAN BERSAMA DENGAN DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

37. Sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan terhadap jasa, komitmen dan dedikasi warga kerja Majlis Bandaraya Seremban dalam memacu kecemerlangan organisasi, MBS telah mengadakan Majlis Perjumpaan Bersama Dengan Datuk Bandar pada 8 Mei 2026 bertempat di Ruang Dagang Paroi, Wisma MBS yang diwakili oleh Tuan Setiausaha MBS. Majlis ini diadakan sebagai platform bagi mengeratkan hubungan silaturahim antara pihak pengurusan tertinggi dan warga kerja di samping menyuntik semangat serta motivasi untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan bandar raya Seremban.
38. Dalam majlis tersebut, seramai 106 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) telah diraikan atas pencapaian dan prestasi kerja cemerlang yang ditunjukkan sepanjang tahun perkhidmatan mereka. Penganugerahan ini merupakan satu bentuk pengiktirafan tertinggi daripada MBS kepada warga kerjanya yang telah memperlihatkan tahap profesionalisme, integriti, disiplin dan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan amanah serta tanggungjawab yang diberikan.

39. Selain itu, penganjuran majlis ini juga mencerminkan penghargaan MBS terhadap sumbangan dan usaha gigih pada pekerja dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat dapat dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berkualiti. Diharapkan pengiktirafan seperti ini akan terus menjadi pemangkin semangat kepada seluruh warga kerja untuk mengekalkan budaya kerja cemerlang dan memperkukuhkan kecermerlangan organisasi pada masa akan datang.

Sumber : Jab. Khidmat Pengurusan

**PROGRAM SANTAI YAB MENTERI BESAR NEGERI
SEMBILAN BERSAMA PESERTA PERSIDANGAN PEGAWAI
KANAN JKR MALAYSIA TAHUN 2026**

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian,

40. Pada 7 Mei 2026 yang lalu, saya telah telah menghadiri Program Santai YAB Menteri Besar Negeri Sembilan Bersama Peserta Persidangan Pegawai Kanan JKR Malaysia Tahun 2026 di Dataran Seremban. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memperkukuh hubungan antara Kerajaan Negeri dengan JKR. Para peserta telah dipertontonkan dengan keindahan air pancut

yang dibangunkan oleh MBS. YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan dan YABhg. Datin Seri juga telah sempat beramah mesra dengan para peserta sepanjang program berlangsung.

41. Selain itu, program ini turut dihadiri oleh YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan bersama pasangan, YBhg. Dato' Sri Ir. Roslan bin Ismail, Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia, YBhg. Dato' Ir. Wan Hasnan bin Wan Musa, Pengarah JKR Negeri Sembilan, Tuan Ir. Ts. Br. Mohd Kamal bin Mohd Yusof, Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban dan barisan pengurusan tertinggi Kementerian Kerja Raya serta Ketua Jabatan dan Ketua Unit Majlis Bandaraya Seremban. Saya berharap hubungan yang terjalin ini dapat diteruskan bagi memastikan bandar raya Seremban telah maju dan berada dalam keadaan baik pada masa akan datang.

Sumber : Unit Perhubungan Korporat

MAJLIS BACAAN YASSIN SEMPENA ULANG TAHUN KE-6 MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN DI MASJID KARIAH PEKAN NILAI

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

42. Sempena ulang tahun ke-6 Majlis Bandaraya Seremban pada tahun ini, MBS meneruskan lagi program dengan mengadakan Majlis Bacaan Yassin di Masjid Kariah Pekan Nilai pada 23 April 2026. Masjid ini merupakan lokasi ke-29 penganjuran program ini sejak mula dilaksanakan pada tahun 2022.

43. Selain dapat mengimarahkan masjid-masjid sekitar bandaraya Seremban, program ini juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim di antara MBS dan masyarakat dalam membincangkan hal-hal berkaitan kawasan kariah. Saya juga berbesar hati turut menyampaikan sumbangan satu unit *water jet* kepada pihak masjid untuk kegunaan semasa misi bantuan awal bencana banjir.

44. Turut hadir bersama-sama saya semasa program diadakan ialah Tn.Ir.Ts.Br.Mohd Kamal bin Mohd Yusof Setiausaha MBS, En.Affa Faizal bin Haji Isa Pengerusi JPKK Kampung Nilai, Ustaz Amran bin Hassan Pengerusi Masjid Kariah Pekan Nilai, En.Saiful Azuar bin Haji Ahmad Jadi Pengarah Pembangunan Masyarakat & Pelancongan MBS, Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua Unit MBS.

Sumber : Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan

BENGGEL PELAN PEMBANGUNAN KOMUNITI (PPK) MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN 2027-2030 (SIRI 1)

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

45. Pada 12 hingga 14 Mei 2026, Majlis Bandaraya Seremban menerusi Jabatan Pembangunan Masyarakat & Pelancongan telah mengadakan Bengkel Pelan Pembangunan Komuniti (PPK) Majlis Bandaraya Seremban 2027-2030 (Siri 1) di Thistle Port Dickson Resort. Pelan ini diwujudkan adalah untuk membangunkan Pelan Tindakan Pembangunan Masyarakat Daerah Seremban 2027-2030 dan menjadikan Dasar Komuniti Negara sebagai asas perancangan bengkel ini yang merangkumi lapan (8) kluster iaitu :-

- Kluster 1 : Infrastruktur dan Penyelenggaraan
- Kluster 2 : Kebersihan Alam Sekitar dan Kesihatan
- Kluster 3 : Keselamatan
- Kluster 4 : Pendidikan dan Kemahiran
- Kluster 5 : Keprihatinan Terhadap Kanak-Kanak, Warga Emas, Orang Kurang Upaya (OKU), Wanita, Ibu Tunggal dan Daif
- Kluster 6 : Keusahawanan dan Perniagaan
- Kluster 7 : Perkhidmatan Sosial
- Kluster 8 : Sukan dan Rekreasi

46. Bengkel ini turut dihadiri oleh Ahli-Ahli Majlis MBS, Ketua Jabatan dan Ketua Unit serta pegawai-pegawai terdiri daripada pelbagai jabatan MBS. Besar harapan saya agar pelan ini dapat direalisasikan bagi menjamin kesejahteraan hidup warga bandar raya Seremban.

Sumber : Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan

BENGGKEL PENULISAN (FASA DOKUMENTASI), PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN (PSP MBS) 2026-2030

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

47. Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Bengkel Penulisan (Fasa Dokumentasi), Pelan Strategik Pendigitalan Majlis Bandaraya Seremban (PSP MBS) 2026-2030 pada 27 hingga 29 April 2026 di Grand Lexis, Port Dickson. Bengkel ini telah dihadiri oleh pasukan projek PSP seramai 31 orang terdiri daripada pegawai pelbagai jabatan yang diketuai oleh Ts. Puan Farah Saffarizan binti Mohd Esa, Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi MBS selaku pengurus projek serta dikendalikan oleh Pejabat Pengurusan Projek (PMO) PSP MBS.

48. Bengkel ini diadakan adalah bertujuan untuk menyediakan dokumen penuh Pelan Strategik Pendigitalan 2026-2030 secara menyeluruh dan komprehensif berdasarkan input yang telah diperolehi daripada siri bengkel yang telah dilaksanakan sebelum ini. Saya berharap agar dokumen ini dapat disiapkan secara lengkap, dibukukan dengan sempurna serta dimuktamadkan sebagai dokumen rasmi Pelan Strategik Pendigitalan Majlis Bandaraya Seremban 2026-2030.

Sumber : Jab. Teknologi Maklumat & Komunikasi

LAWATAN KERJA TEKNIKAL SISTEM PERAKAUNAN DAN KEWANGAN KE MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN (MPLBP)

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

49. Majlis Bandaraya Seremban yang diketuai oleh Ts. Puan Farah Saffarizan binti Mohd Esa, Pengarah Teknologi Maklumat & Komunikasi MBS telah mengadakan Lawatan Kerja Teknikal Sistem Perakaunan dan Kewangan ke Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) pada 6 Mei 2026. Lawatan ini adalah bertujuan bagi mendapatkan pendedahan berkaitan amalan terbaik pengurusan sistem perakaunan dan kewangan serta memahami pelaksanaan operasi kewangan yang digunakan oleh MPLBP.

50. MBS yang dihadiri oleh 17 orang pegawai terdiri daripada Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi MBS, Jabatan Kewangan, Jabatan Khidmat Pengurusan dan Unit Ukur Bahan & Perolehan telah disambut baik oleh Puan Harzanin binti Harun, Pengarah Jabatan Perbendaharaan MPLBP. Pihak MPLBP telah menyampaikan sesi taklimat dan perkongsian berkaitan pelaksanaan sistem, proses kerja dan pengalaman pengurusan kewangan di MPLBP bagi menilai kesesuaian pelaksanaan sistem tersebut untuk digunapakai di MBS.

Sumber : Jab. Teknologi Maklumat & Komunikasi

KONSULTASI BAGI PERMOHONAN KELULUSAN KHAS PERNIAGAAN (KKP)

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

51. Pada 28 April dan 14 Mei 2026, Majlis Bandaraya Seremban menerusi Jabatan Pelesenan & Pembangunan Usahawan telah mengadakan sesi konsultasi bagi permohonan kelulusan khas perniagaan (KKP) di beberapa buah kawasan dalam Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban. Tujuan sesi ini diadakan adalah untuk memberi penerangan dengan lebih jelas kepada pemohon mengenai tatacara permohonan Kelulusan Khas Perniagaan (KKP) dan senarai dokumen yang perlu dilampirkan semasa mengemukakan permohonan. Untuk makluman Ahli Mesyuarat dan warga bandar raya Seremban, pemberitahuan mengenai

perkara ini telah diuar-uarkan melalui media sosial rasmi Majlis Bandaraya Seremban dan saya berharap agar pemohon mendapat manfaat dengan sesi yang diadakan ini.

Sumber : Jab. Pelesenan & Pembangunan Usahawan

PENUTUP

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

52. Menjelang tibanya sambutan Hari Raya Aidiladha 1447H/2026M yang hanya berbaki beberapa hari sahaja lagi, marilah kita bersama-sama menghayati makna sebenar di sebalik ibadah dan pengorbanan yang amat besar dalam sejarah Islam. Aidiladha bukan sekadar sambutan tahunan, malah ia merupakan simbol ketaatan, keikhlasan dan pengorbanan yang ditunjukkan oleh Nabi Ibrahim A.S. dan Nabi Ismail A.S. dalam melaksanakan perintah Allah SWT tanpa sebarang keraguan. Nilai pengorbanan inilah yang perlu terus disemai dalam diri setiap individu, khususnya dalam menjalankan amanah, tanggungjawab dan khidmat kepada masyarakat.

53. Semangat Aidiladha juga mengajar kita tentang pentingnya keikhlasan dalam setiap pekerjaan yang dilakukan. Dalam konteks perkhidmatan awam, khususnya warga kerja Majlis Bandaraya Seremban, nilai ini amat penting bagi memastikan setiap tugas yang dilaksanakan bukan sahaja memenuhi

tanggungjawab organisasi, malah memberi manfaat terbaik kepada rakyat dan bandaraya. Setiap amanah yang dipikul, sama ada dalam aspek kebersihan bandar, penyelenggaraan infrastruktur, pengurusan landskap, penguatkuasaan, perkhidmatan kaunter, pengurusan aduan mahupun pembangunan komuniti, memerlukan komitmen yang tinggi, semangat berpasukan serta pengorbanan masa dan tenaga demi kesejahteraan warga Seremban.

54. Sesungguhnya, warga kerja Majlis Bandaraya Seremban sentiasa memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran perkhidmatan harian bandaraya walaupun ketika musim perayaan. Ada dalam kalangan petugas yang tetap bertugas demi memastikan kebersihan kawasan awam sentiasa terjaga, sistem lalu lintas berada dalam keadaan baik, kemudahan awam dapat digunakan dengan selesa serta keselamatan dan kesejahteraan masyarakat terus diberi perhatian. Pengorbanan inilah yang mencerminkan semangat Aidiladha dalam bentuk perkhidmatan dan tanggungjawab kepada masyarakat.

55. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha 1447H/2026M kepada seluruh warga Majlis Bandaraya Seremban dan masyarakat amnya dengan tema:

“Korban Ikhlas, Ukhuwah Diperkukuh”

56. Semoga segala amalan, ibadah korban dan setiap usaha kebajikan yang dilaksanakan diterima oleh Allah SWT serta membawa keberkatan, kesejahteraan dan rahmat kepada kita semua. Semoga Aidiladha kali ini juga menjadi pemangkin untuk kita terus berkhidmat dengan penuh integriti, dedikasi dan semangat kebersamaan demi kemajuan Bandaraya Seremban yang kita cintai bersama.

Sekian, terima kasih.

**DATO' IR.TS. HAJI MASRI BIN BAHARUDDIN
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
20 MEI 2026**